



i) **Mewujudkan Pelabuhan Pintar (Smart Port)**

- a) Membina hubungan dengan Pelabuhan-Pelabuhan dalam kawasan dan Rakan Strategik melalui MOU bagi tujuan perkongsian data dan teknologi aktiviti pelabuhan serta pembangunan Halal Port.
- b) Penggunaan teknologi automasi dan inovatif melalui Artificial Intelligent (AI), Big Data, Internet Of Things (IoT dan Block Chain)

ii) **Pengezonan dan Industri Pintar (Smart Zoning & Environment)**

- a) Pemerkasaan Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) 2030 melalui penjenamaan semula Pasir Gudang sebagai Bandar Raya Industri & Pelabuhan.
- b) Pembangunan Infill yang memfokuskan kepada penggunaan atau penempatan semula bangunan dan tapak untuk penyelesaian masalah.
- c) Pencapaian maklumat melalui GIS.
- d) Pembangunan *Greenfield* yang fokus kepada perancangan bandar masa depan ke atas tanah-tanah yang belum dibangunkan.
- e) Pengstrukturkan semula aktiviti pelabuhan dan industri selaras dengan piawaian Bandar raya.
- f) Pengstrukturkan semula infrastruktur perhubungan air, darat dan udara.
- g) Menaiktaraf lebuh raya Pasir Gudang dengan pemasangan lampu solar dan guard rail.
- h) Membuat kerja-kerja milling semula di lebuh raya.

iii) Persekutaran Pintar (*Smart Environment*)

- a) Projek printis Waste To Wealth (WTW) yang meliputi dua komponen iaitu projek *Waste To Energy (WTE)* dan *Waste Processing Facilities (WPF)* di tapak Pelupusan Tanjung Langsat.
- b) Pemeliharaan Ekosistem (*Eco-Preserve*) melalui Program bagi menambahbaik kualiti air sungai dan perawatan air kumbahan/air sisa melalui teknologi *Atomix MTA (Multi Tasking Agent)* yang telah diperakukan dan diluluskan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN). Dijalankan di 3 lokasi iaitu di Sungai Tukang Batu, Loji Rawatan Kumbahan Taman Bukit Dahlia dan Kolam Perawatan Leachate di Tapak Pelupusan Sampah Tanjung Langsat. Penggunaan kaedah perawatan Effective Microorganism (EM) dalam bentuk pepejal (Mudball) kepada yang ditambahbaik aplikasinya kepada EM Cosmoball dengan mendapat sokongan bersyarat Jabatan Pengairan Dan Saliran di laksanakan pada Sungai Buloh. Seterusnya MBPG akan memperkenalkan sistem pengesan (*Tracking System*) bagi memantau kenderaan berat yang keluar masuk Pelabuhan, Kilang dan Tapak Pelupusan Sampah. Perlaksanaan kaedah smart bin di kawasan Jalan Tasek 64, Seri Alam dan sedang dalam perancangan, penyediaan sistem perangkap sampah automatic di lokasi-lokasi dikenalpasti.
- c) Pengurangan Karbon (*Less CO₂*) dalam bentuk pembangunan dan merangka LCS dalam Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030 melalui pemasangan lampu LED dan solar secara berperingkat di kawasan komersial, perumahan dan industry serta melaksanakan *Green Building Index (GBI)*.

iv) Masih Prihatin (Still Care)

- Masyarakat, Komuniti dan Belia

- a) melalui pembinaan **Dataran Mahkota Pasir Gudang** yang mengandungi komponen, Dataran Mahkota, Padang Ragbi, Padang Sediada, *Extreme Park*, Lapangan Sasar Memanah dan laluan pejalan kaki.
- b) Pembangunan Pusat Belia **Tengku Mahkota Ismail Youth Centre**, yang mengandungi komponen bangunan pelbagai guna, Outdoor Trail, Wall Climbing, Konsep Stor Food Truck, Caravan Place, Gimnasium Awam, Taman Permainan dan *Street Workout*,
- c) Sumbangan **Gerobok Prihatin Pasir Gudang** bagi membantu komuniti setiap zon Ahli majlis.
- d) Pembangunan semula rumah pangsa Taman Cendana dan Air Biru – **Rujevensi Rumah Pangsa**.
- e) Membina Pusat Gelandangan bagi melindungi gelandangan sekitar Pasir Gudang – **Care & Cure Camp 3C MBPG**.
- f) Penyediaan Camp Site – **Sungai Buloh Spatial**.
- g) Penyediaan Taman Awam – Taman Eksklusif – **Eco Spatial**
- h) Pembangunan Taman Warisan – **CB Spatial**.
- i) Pembangunan **Family Park – Layang-layang Spatial**.
- j) Pengajuran program **Lend Me You Ears** – OKU, Belia dan Masyarakat.
- k) Merangka dasar keselamatan penduduk yang diterjemahkan melalui **Guarded Neighbourhood** keselamatan penduduk – **Local Buddies**
- l) Perkhidmatan perunding kesihatan bagi membantu komuniti setempat – **Doc Please!!!**.
- m) Kerjasama bersama belia Johor Bahru/Pasir Gudang melalui pelbagai program di MBPG – **Belia Aktif**

iv) Masih Prihatin (*Still Care*)

- *Peniaga / Penjaja*

- a) Menaiktaraf Semai Niaga Taman Air Biru dan Pusat Penjaja dengan penjenamaan semula – **Arena Kebayan**.
- b) **Membina baru dan membaik pulih** Pusat Penjaja di Jalan Sena, Taman Rinting, Kota Masai (Terminal Bas) dan Arena Kebayan MIEL Seri Alam.
- c) Pelaksanaan permohonan dan pembaharuan lesen/permit secara atas talian – **E-Lesen & E-Permit**.
- d) **Menambah baik kemudahan Restoran Rakit di Kong-Kong.**

- *Industri Dan Pekerja Kilang*

- a) Pembinaan hostel pekerja asing di Pasir Gudang. Lokasi cadangan di Zon 12B Tanjung Langsat – **Workers Enclave**.
- b) Pembinaan tempat rehat dan rawat lori-lori kilang – **Truck Lay Bay Pasir Gudang**.
- c) Pemasangan **CCTV** oleh pihak industri melalui syarat-syarat kelulusan pelan bangunan - **Smart Pole**

- *Haiwan Terbiar*

- a) Membuka pusat haiwan yang terbiar bagi melindungi haiwan-haiwan jalanan – **D'Habitat**.

v) Kejiranan Aktif (Active Neighbourhood)

- a) **CB Bestari** – One Stop Centre atau hentian pelbagai perkhidmatan di Kampung Cahaya Baru dengan menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan dan Gedung info seperti perpustakaan desa, Pusat Cyber Rakyat dan Cyber Ilmu & Wifi.
- b) **CB Outreach** - Program pelaksanaan Homestay di kampong yang sama.
- c) **ST Bestari** - One Stop Centre atau hentian pelbagai perkhidmatan di kampong Sungai Tiram juga konsep yang sama seperti CB Bestari.

vi) Memperkasa Organisasi Dan Menyantuni Warga kerja

Melalui pengukuhan struktur organisasi diperingkat dalaman yang fokus terhadap 5 elemen iaitu Transformasi Digital, Pengimbangan Kakitangan Kontrak dengan Kakitangan Tetap, Pengukuhan Perkhidmatan Organisasi, Kemudahan dan Apresiasi Kakitangan